



## **KENYATAAN MEDIA HOSPITAL KUALA LUMPUR**

### **LAPORAN AKHBAR BERKAITAN ISU PESAKIT YANG MENERIMA BANTUAN PERNAFASAN MELALUI MESIN VENTILATOR**

**28 JANUARI 2024**

---

Hospital Kuala Lumpur (HKL) ingin memaklumkan bahawa kejadian yang dilaporkan dalam laporan media pada 27 Januari 2024 berkaitan isu pesakit yang menerima rawatan melalui mesin ventilator sedang dalam siasatan pihak hospital.

Pihak hospital dengan kerjasama syarikat konsesi hospital sentiasa memastikan peralatan perubatan yang digunakan untuk merawat pesakit di pantau dan diselenggara mengikut jadual agar perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dapat diberikan kepada pesakit.

Sebarang komplikasi rawatan perubatan yang menjejaskan keselamatan pesakit akan disiasat melalui sistem pelaporan insiden sebagaimana yang digariskan dalam panduan pengurusan Laporan Insiden Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

**DATIN PADUKA DR. ROHANA JOHAN  
PENGARAH HOSPITAL KUALA LUMPUR  
28 JANUARI 2024**